



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGGUNAAN A YAT MAJMUK DALAM HARIAN METRO***

**MUHAMMAD FITRI BIN ABDUL MUTALLIB**

**FBMK 2019 42**



## PENGGUNAAN AYAT MAJMUK DALAM HARIAN METRO

Oleh

MUHAMMAD FITRI BIN ABDUL MUTALLIB

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

November 2018

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain ialah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

## PENGGUNAAN AYAT MAJMUK DALAM HARIAN METRO

Oleh

MUHAMMAD FITRI BIN ABDUL MUTALLIB

November 2018

**Penyelia : Che Ibrahim Salleh**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Tatabahasa merupakan elemen penting dalam sesuatu bahasa, namun penggunaannya masih tidak dapat dikuasai oleh masyarakat kerana kesilapan dalam penggunaannya masih boleh dikenal pasti. Hal ini termasuklah penggunaan ayat majmuk. Salah satu medium yang mudah untuk melihat penggunaan struktur ayat ialah akhbar. Akhbar merupakan satu medium yang mudah dicapai oleh orang ramai untuk mendapatkan maklumat. Namun begitu, terdapat juga kesalahan penggunaan ayat majmuk dalam penulisan akhbar. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti penggunaan ayat majmuk dalam akhbar. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti penggunaan ayat majmuk dalam akhbar dan menganalisis penggunaannya dalam akhbar. Kaedah kepustakaan dan analisis kandungan telah dipilih untuk digunakan dalam kajian ini. Untuk menjalankan kajian ini, akhbar Harian Metro telah dipilih untuk dijadikan bahan utama kajian. Kajian ini dijalankan dengan berpandukan rumus yang terdapat dalam Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015). Hasil kajian ini mendapat bahawa terdapat lima kategori kesalahan ayat majmuk, iaitu ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan relatif, ayat majmuk pancangan komplemen, ayat majmuk pancangan keterangan, dan ayat majmuk campuran. Kajian ini dapat menunjukkan bahawa tahap penguasaan tatabahasa seseorang penulis dari aspek linguistiknya masih berada pada tahap yang kurang memuaskan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

## **COMPOUND SENTENCE APPLICATION IN HARIAN METRO**

By

**MUHAMMAD FITRI BIN ABDUL MUTALLIB**

**November 2018**

<b>Chairman</b>	<b>: Che Ibrahim bin Salleh</b>
<b>Faculty</b>	<b>: Modern Language and Communication</b>

Grammar is one of the prominent elements in language; yet, its application still has not been fully mastered by the language users due to often inappropriate grammar usage including compound sentence. One of the platforms which easily showing the usage of sentence structure is newspaper. Newspaper is a convenient medium of information for everyone to access. However, there are still mistakes on compound sentence application in news writing. Therefore, this study was done to study in-depth on the application of compound sentence in news writing. The objective of the study is to identify the type of compound sentences that has been used in the newspaper and analyse the use of the compound sentences in the newspaper. For conducting the study, *Harian Metro* newspaper was chosen as the main focus of the study. This study also was conducted based on the framework from *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga (2015)*. The result found that there are five categories of inappropriate usage of compound sentences which are simple compound sentence (ayat majmuk gabungan), compound sentence with relative clause (ayat majmuk pancangan relatif), compound sentence with complements (ayat majmuk pancangan komplemen), complex sentence (ayat majmuk pancangan keterangan), and compound-complex sentence (ayat majmuk campuran). This study has shown that the grammar proficiency in linguistic aspect of the writers is still at the unsatisfactory level.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Saya melahirkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana limpahan rahmat-Nya dan ihsan-Nya telah memberikan kekuatan kepada saya untuk menyelesaikan kajian ini sebagai memenuhi syarat memperoleh Master Sastera (Bahasa Melayu) di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Jutaan terima kasih dan penghargaan saya tujuhan kepada Prof. Madya Dr. Che Ibrahim bin Salleh selaku penyelia bagi kajian ini. Tidak dilupakan juga kepada Dr. Hasnah binti Mohamad. Bimbingan, dorongan, ilmu, dan teguran yang kalian berikan sangat bermakna kepada saya yang penuh kekurangan dan kekhilafan sehingga saya mampu untuk menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang membantu saya sama ada secara langsung dan juga tidak langsung.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak mampu saya balas, saya dedikasikan kepada keluarga saya, kedua-dua ibu bapa saya, Encik Abdul Mutallib Ahmad dan Puan Norzila Nazaruddin atas doa dan bantuan yang diberikan selama ini. Begitu juga dengan abang dan kakak saya yang sentiasa membantu dari segi sokongan moral dan kewangan untuk menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih juga saya tujuhan kepada rakan-rakan seperjuangan yang sering berkongsi ilmu dan tunjuk ajar sepanjang kajian ini dijalankan. Tanpa kalian, mana mungkin kajian ini dapat diselesaikan.

Akhir sekali, terima kasih yang tak terhingga kepada semua pihak yang tidak berkesempatan untuk saya nyatakan di sini dan semua pihak yang terlibat sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Terima kasih atas doa, sokongan, dan tunjuk ajar yang diberikan. Terima kasih.

## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Batasan Kajian	7
1.8 Definisi Operasional	7
1.8.1 Penggunaan Ayat Majmuk	7
1.8.2 Frasa Kerja	8
1.8.3 Kata Hubung	8
1.8.4 Akhbar Harian	9
1.8.5 Editor Berita	9
1.9 Kesimpulan	9
<b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1 Pengenalan	10
2.2 Kajian Berkaitan dengan Penguasaan Tatabahasa	10
2.3 Kajian Berkaitan dengan Ayat	15
2.4 Kajian Berkaitan dengan Ayat Majmuk	20
2.5 Kajian Berkaitan dengan Akhbar	25
2.6 Perkaitan antara Kajian Lepas dengan Kajian ini	29
2.7 Kesimpulan	30
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	31
3.2 Reka Bentuk Kajian	31
3.2.1 Kaedah Kepustakaan	31
3.2.2 Analisis Kandungan	32
3.3 Kerangka Teori	32
3.4 Kerangka Konseptual	37
3.5 Tatacara Kajian	38
3.6 Penganalisisan Data	38
3.7 Kesimpulan	38

<b>4</b>	<b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Pengenalan	39
4.2	Jenis-jenis Ayat Majmuk	39
4.2.1	Pengenalpastian Jenis Ayat Majmuk	85
4.3	Analisis Ayat Majmuk	84
4.3.1	Ayat Majmuk Gabungan	84
4.3.2	Ayat Majmuk Pancangan Relatif	86
4.3.3	Ayat Majmuk Pancangan Komplemen	89
4.3.4	Ayat Majmuk Pancangan Keterangan	91
4.3.5	Ayat Majmuk Campuran	96
4.4	Implikasi Dapatan Kajian	98
4.5	Kesimpulan	98
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	99
5.2	Kesimpulan	99
5.3	Cadangan	100
<b>BIBLIOGRAFI</b>		103
<b>BIODATA PELAJAR</b>		106
<b>SENARAI PENERBITAN</b>		107

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Masthead Harian Metro	4
2	Model Ayat Majmuk Gabungan	33
3	Model Ayat Majmuk Pancangan Relatif	34
4	Model Ayat Majmuk Pancangan Komplemen	35
5	Model Ayat Majmuk Pancangan Keterangan	36
6	Kerangka Konseptual Kajian	37
7	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk dalam Akhbar Harian Metro 5 Disember 2016	40
8	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk dalam Akhbar Harian Metro 6 Disember 2016	42
9	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk dalam Akhbar Harian Metro 7 Disember 2016	44
10	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk dalam Akhbar Harian Metro 8 Disember 2016	47
11	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk dalam Akhbar Harian Metro 9 Disember 2016	49
12	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk dalam Akhbar Harian Metro 12 Disember 2016	51
13	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk dalam Akhbar Harian Metro 13 Disember 2016	53
14	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk dalam Akhbar Harian Metro 14 Disember 2016	56
15	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk dalam Akhbar Harian Metro 15 Disember 2016	58
16	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk dalam Akhbar Harian Metro 16 Disember 2016	60
17	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk dalam Akhbar Harian Metro 19 Disember 2016	63

18	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk dalam Akhbar Harian Metro 20 Disember 2016	65
19	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk dalam Akhbar Harian Metro 21 Disember 2016	67
20	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk dalam Akhbar Harian Metro 22 Disember 2016	70
21	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk dalam Akhbar Harian Metro 23 Disember 2016	72
22	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk dalam Akhbar Harian Metro 27 Disember 2016	74
23	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk dalam Akhbar Harian Metro 28 Disember 2016	77
24	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk dalam Akhbar Harian Metro 29 Disember 2016	79
25	Kesalahan Penggunaan Ayat Majmuk dalam Akhbar Harian Metro 30 Disember 2016	81
26	Jumlah Kesalahan Berdasarkan Jenis Ayat Majmuk	83

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Dalam bab ini, perbincangan akan meliputi latar belakang kajian, penyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional. Perbincangan dalam bab ini akan memberikan gambaran dengan lebih jelas tentang tujuan kajian ini akan dilakukan.

#### 1.2 Latar Belakang Kajian

Seperti yang kita sedia maklum, bahasa Melayu telah diangkat menjadi bahasa rasmi bagi Malaysia. Hal ini telah termaktub dalam Perlembagaan Malaysia dalam Perkara 152. Selain berfungsi sebagai bahasa rasmi, bahasa Melayu juga berperanan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan bahasa ilmu. Dalam konteks pembelajaran, fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu telah berkembang pesat. Pelbagai usaha dirancang dan dilakukan oleh pihak tertentu untuk memajukan bahasa Melayu agar dapat berfungsi sebagai bahasa ilmu. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) adalah antara pihak yang bertanggungjawab memartabatkan bahasa Melayu. Melalui Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka 1959, DBP telah dinaikkan tarafnya menjadi sebuah badan berkanun pada 1959.

Kuasa autonomi telah diberikan kepada DBP untuk melaksanakan kegiatan penerbitan buku dan perniagaan buku secara kompetitif dengan berpandukan prinsip dan amalan perusahaan dan profesion penerbitan selepas penaikan tarafnya serta beberapa perkara lain lagi. Pada 1987, DBP telah menerbitkan sebuah buku yang berjudul *Bahasa Malaysia Saintifik* hasil penulisan Asmah Hj Omar. Buku ini adalah antara buku yang dihasilkan untuk membantu masyarakat dan pengguna bahasa untuk memahami dengan lebih baik istilah yang digunakan dalam bidang sains. Pada 2005, buku ini telah diterbitkan semula oleh DBP. Penerbitan ini telah menunjukkan salah satu daripada usaha DBP untuk mengembangkan bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu.

Dalam usaha menjadikan sesuatu bahasa itu sebagai bahasa ilmu, pelbagai usaha perlu diteliti untuk dimantapkan dalam beberapa aspek dalam sesuatu bahasa itu. Antara perkara yang perlu diberikan perhatian ialah tatabahasa. Tatabahasa merupakan elemen penting yang menjadi tunjang kepada sesuatu bahasa kerana ia memainkan peranan penting sebagai bukti pemartabatan bahasa Melayu. Pendapat ini seiring dengan pandangan Nik Safiah Karim *et al* (2015) yang mengatakan bahawa sesuatu bahasa itu boleh berfungsi dengan baiknya sekiranya pengekodan yang sesuai dapat distabilkan terhadap sesuatu bahasa standard itu. Antara aspek pengekodan bahasa ialah penyediaan dan

pembentukan norma kepada penutur bahasa itu sebagai panduan yang boleh diterima dan digunakan oleh mereka. Oleh itu, penghasilan sebuah tatabahasa pegangan merupakan salah satu daripada usaha pembentukan norma tersebut. Dengan usaha itu, ia berharap agar dapat membantu penutur bahasa.

Dalam tatabahasa, terdapat satu elemen penting yang disebut sebagai sintaksis. Sintaksis merupakan kajian tentang proses pembinaan ayat. Penggunaan ayat dalam semua media cetak memainkan peranan yang penting untuk menyampaikan maksud dan maklumat tertentu. Namun begitu, masih terdapat beberapa kesalahan dalam ketepatan penggunaan rumus yang tidak mengikut rumus tatabahasa Melayu dalam penggunaan ayat, khususnya dalam media cetak pada masa ini. Hal ini membimbangkan kerana status medium media cetak itu mudah dicapai dan ia sering digunakan oleh masyarakat, khususnya pelajar untuk mendapatkan maklumat. Sekiranya senario ini dibiarkan berlarutan, ia boleh memberikan ilmu atau pengetahuan yang kurang tepat tentang tatabahasa. Hal ini pasti menyukarkan, khususnya para pelajar yang berada di peringkat sekolah yang sedang dalam usaha mendalami ilmu tatabahasa sekiranya pendedahan kepada rumus yang kurang tepat telah menjadi satu kebiasaan. Hal ini disebabkan oleh perspektif pelajar, kesalahan tatabahasa tidak akan berlaku dalam media cetak oleh sebab ia merupakan media yang diterima umum sebagai sumber untuk mendapatkan maklumat. Oleh yang demikian, proses pemantapan bahasa itu sukar untuk dilakukan kerana kepenggunaannya tidak dipraktikkan secara meluas, khususnya kepada media yang mudah dicapai oleh orang ramai seperti akhbar, buku dan majalah. Oleh itu, kajian tentang penggunaan ayat, khususnya ayat majmuk dalam akhbar arus perdana perlu dijalankan agar ia dapat memberikan panduan yang tepat kepada pembaca umum.

Bahasa yang menarik dari segi penggunaan ayat majmuk, ayat pasif, ayat aktif transitif, dan sebagainya mampu untuk menarik perhatian masyarakat untuk membacanya. Penggunaan ayat yang ringkas dan gramatis dapat membantu pembaca untuk memahami kandungan teks dengan lebih baik. Namun begitu, masih terdapat kesalahan dari aspek tatabahasa dalam kandungan teks yang dicetak, termasuklah aspek sintaksis. Tidak dinafikan bahawa setiap penulis atau syarikat akhbar mempunyai gaya penulisan tersendiri dan ia mencerminkan identiti penulis atau gaya sesebuah syarikat itu. Namun begitu, adalah kurang wajar bagi penulis meminggirkan aspek tatabahasa dalam penulisan mereka. Oleh yang demikian, penyelidikan ini mampu memberikan kesedaran kepada penulis dan syarikat penerbitan supaya menyedari kepentingan ilmu tatabahasa dalam penyampaian maklumat.

Penyelidikan ini menumpukan perhatian kepada tatabahasa yang menjadi asas untuk membentuk bahasa yang indah dan gramatis serta difahami oleh penggunaanya. Oleh sebab itu, tatabahasa mestilah tepat, lengkap dan mudah untuk difahami oleh orang ramai serta mencerminkan kemampuan intrinsik penutur jati. Tatabahasa dirujuk sebagai peraturan atau hukum bahasa yang membolehkan sesuatu bahasa itu dapat berfungsi dengan baiknya. Dalam erti kata lain, tatabahasa ini merupakan himpunan peraturan umum struktur bahasa

yang meliputi bidang sintaksis dan morfologi. Selain itu, tatabahasa juga merupakan peraturan yang membina bentuk bahasa yang betul bagi sesuatu bahasa tertentu. Contohnya, Awang Sariyan (2002) mengatakan bahawa dalam bahasa Melayu itu, untuk membentuk kata, frasa atau ayat, ia mempunyai peraturannya yang tersendiri. Pendapat lain pula mengatakan bahawa tatabahasa sebagai susunan perkataan yang menjadi ayat. Cara perkataan dibina dan kemudian disusun dalam ayat yang juga mempunyai makna. Langkah inilah yang dikatakan sebagai tatabahasa (Abdullah Hassan, 2008). Oleh sebab bahasa itu sifatnya dinamik, hidup dan terus berkembang, dapatlah disimpulkan bahawa tatabahasa itu sebagai peraturan atau sistem yang akan menghasilkan rumus baharu yang dipersejui oleh masyarakat penuturnya.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, dalam sintaksis, pelbagai jenis dan ragam ayat yang dikategorikan oleh ahli bahasa. Walau bagaimanapun, perbincangan tentang ayat majmuk yang menjadi fokus utama dalam kajian ini. Nik Safiah Karim *et al* (2015) telah membincangkan bahawa ayat majmuk merupakan ayat yang dibentuk dengan menggabungkan dua ayat tunggal atau lebih. Untuk membentuk ayat yang baharu, beberapa ayat tersebut akan digabungkan dan disusun dengan mengikut tatacara yang tertentu. Dalam penerangan tentang ayat majmuk, ia boleh dikategorikan kepada tiga jenis ayat yang utama, iaitu ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan dan ayat majmuk campuran. Dalam bahagian ayat majmuk gabungan, ia mengatakan bahawa ayat majmuk gabungan dibentuk dengan menggunakan kata hubung seperti *dan*, *Jalu*, *lagi*, *serta*, dan sebagainya. Selain itu, terdapat tiga jenis ayat majmuk gabungan yang utama, iaitu gabungan yang susunan faktanya berurutan, gabungan yang susunannya memberikan maksud pertentangan fakta dan gabungan yang susunannya menggabungkan dua ayat atau lebih dengan menggunakan kata hubung yang berpasangan. Perbincangan tentang ayat majmuk pancangan turut dilakukan dengan mengatakan bahawa ayat majmuk merupakan ayat induk yang telah dipancangkan beberapa ayat kecil ke dalamnya. Pancangan ayat kecil tersebut telah membentuk satu ayat yang baharu apabila ia telah menjadi sebahagian daripada ayat induk itu. Terdapat tiga jenis ayat majmuk pancangan yang dibincangkan, iaitu ayat relatif, ayat komplemen dan ayat keterangan. Ayat majmuk yang ketiga dibincangkan juga ialah ayat majmuk campuran, iaitu ayat yang mengandungi lebih daripada satu jenis ayat, yakni terdiri daripada campuran ayat majmuk atau deretan pelbagai jenis ayat majmuk.

Akhbar merupakan medium yang memperlihatkan penulisan yang melibatkan pembentukan ayat, struktur ayat, penggunaan kata, dan sebagainya. Selain itu, ia juga merupakan medium yang mudah dicapai oleh masyarakat. Sehingga ke hari ini, antara media cetak yang menjadi pilihan masyarakat dalam negara ialah akhbar. Sejarah di Tanah Melayu menunjukkan bahawa penggunaan akhbar bermula pada awal kurun ke -19 (Abdul Rashid Daeng Melebek & Amat Johari Moain, 2006). Walau bagaimanapun, pada waktu itu, pelbagai jenis akhbar berbahasa Inggeris yang dicetak. Bermula pada 1876, barulah akhbar dan majalah dalam bahasa Melayu dan bertulisan Jawi mula diterbitkan. Permulaan akhbar dalam bahasa Melayu bermula dengan golongan Jawi Peranakan dan kemudian telah menerbitkan akhbar pertamanya pada tahun tersebut. Walau bagaimanapun, Jawi Peranakan tidak dapat bertahan lama dan hanya mampu

untuk bertahan sehingga pada 1895. Sungguhpun begitu, usaha pengeluaran akhbar Melayu masih diteruskan oleh Mohd Ali yang telah menerbitkan akhbar Sekolah Melayu pada 1888. Pada masa ini, pencetakan dan penerbitan akhbar dalam bahasa Melayu semakin berkembang dan bervariasi. Hal ini dapat dilihat apabila terdapat beberapa akhbar yang popular dalam negara ini. Antara akhbar bahasa Melayu yang menjadi pilihan umum adalah seperti Berita Harian, Utusan Malaysia, Harian Metro dan Kosmo!.

Harian Metro merupakan akhbar petang pertama Malaysia yang berbentuk tabloid. Pelancarannya pada 25 Mac 1991 bermula dengan pesanan cetakan awal sebanyak 30,000 sehari. Sejak itu, sebanyak enam hari seminggu, iaitu bermula Isnin hingga Sabtu Harian Metro diterbitkan oleh Berita Harian Sdn. Bhd. Dalam usaha melebarkan rangkaianya, Harian Metro melancarkan edisi selatannya di Johor Bahru pada 25 Mac 1992. Edisi selatan itu diterbitkan sebagai tabloid pagi dan pesanan cetakan pertama di kilang New Straits Times Press di Senai ialah 15,000. Selepas itu, untuk memenuhi selera dan kehendak pembaca warga tempatan, Harian Metro telah menghasilkan edisi utara dan timur dalam usaha memperluas pengaruhnya. Usaha itu menampakkan hasil apabila Harian Metro telah merekodkan jualan tertinggi, iaitu sebanyak 390,019 naskhah pada 31 Oktober 2009. Pada 20 Ogos 1995, penerbitan Harian Metro menjadi lengkap apabila telah menerbitkan edisi Ahad, iaitu Metro Ahad. Keluaran pertamanya telah mencatatkan sebanyak 100,003 naskhah pencetakan. Perkembangan ini menunjukkan hasil yang positif apabila Metro Ahad telah mencatat jualan tertingginya pada 9 November 2009 dengan 433,480 naskhah.



Rajah 1: Masthead Harian Metro

Tujuan asal penerbitan Harian Metro adalah untuk menyampaikan maklumat bagi penduduk Lembah Klang tentang aktiviti atau peristiwa yang berlaku di sekitar Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, kumpulan New Straits Times Press (NSTP) meluaskan pengedaran akhbar tersebut ke seluruh Semenanjung Malaysia atas faktor sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat. Selain itu, berita terkini di peringkat nasional dan global juga turut dipaparkan dalam Harian Metro selain berita tempatan.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Pengaplikasian tatabahasa dalam akhbar masih terdapat kesalahan yang dilakukan. Kesalahan yang sering dapat dikenal pasti adalah seperti penstrukturran ayat, morfologi, dan pemilihan kata. Hal ini seiring dengan pendapat yang dinyatakan oleh Ismail Rajab (1990) yang menyatakan terdapat empat jenis kesalahan yang utama yang dikenal pasti dalam akhbar, iaitu kesilapan struktur ayat, penggunaan sendi, ejaan dan pembentukan frasa. Berdasarkan kajian tersebut, pembentukan struktur ayat dan penggunaan sendi ialah dua jenis kesilapan yang menonjol dalam akhbar. Kenyataan ini menunjukkan bahawa kesilapan dalam akhbar dilakukan terhadap perkara yang asas dalam tatabahasa. Hal ini boleh memberikan kekeliruan kepada pembaca, khususnya para pelajar yang sedang dalam proses mempelajari ilmu bahasa. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat struktur ayat majmuk dalam akhbar.

Pada masa ini, penguasaan tatabahasa oleh masyarakat perlu dipertingkatkan. Begitu juga halnya dengan para guru yang seharusnya mempunyai tahap penguasaan tatabahasa Melayu yang baik. Kenyataan ini selari dengan pandangan yang mengatakan bahawa guru di tingkatan enam yang mengajar bahasa Melayu mengalami kesukaran untuk meningkatkan dan menguasai ilmu tatabahasa Melayu dengan baiknya. Mereka masih keliru dan ragu-ragu dalam aspek tatabahasa sebagai contoh kata pemerl, kata penguat, dan tanda baca. Hal ini juga berlaku dalam penulisan sintaksis. Para guru turut menghadapi masalah dari aspek klausa dan predikat (Abdul Rashid Daeng Melebek, 2010). Perkara ini boleh memberikan kekeliruan kepada pembaca kerana dikhuatiri maksud sebenar yang ingin disampaikan gagal oleh sebab penggunaan ayat yang tidak baik. Dalam sintaksis, beberapa bahagian ayat boleh dikategorikan seperti ragam ayat dan jenis ayat seperti ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan, ayat majmuk, dan sebagainya. Selain itu, perkara lain yang perlu diteliti ialah unsur atau konstituen dalam ayat yang disebut sebagai klausa. Elemen ini penting untuk diteliti kerana bilangannya dalam ayat akan menentukan ayat tersebut sama ada sebagai ayat penyata atau ayat majmuk. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat penggunaan ayat majmuk dalam akhbar harian.

Selain itu, penggunaan ayat majmuk mengikut rumus tatabahasa Melayu perlu dipertingkatkan. Oleh yang demikian, buku tatabahasa seperti 'Tatabahasa Dewan' perlu dijadikan sebagai panduan ketika dalam proses pembelajaran rumus tatabahasa Melayu. Hal ini disebabkan oleh buku ini telah menjadi rujukan kepada sebahagian besar penutur dan pengajar bahasa Melayu. Oleh sebab itu, penstrukturran ayat dalam akhbar juga perlulah seiring dengan panduan yang telah disediakan. Jika perkara itu dilakukan, ia secara tidak langsung akan dapat membantu pembaca, khususnya golongan pelajar. Selain itu, pelajar asing yang ingin mendalami bahasa Melayu juga boleh menerima kesan yang positif daripada tindakan ini. Arina Johari dan Mohd Zuber Ismail (2013) mengatakan bahawa kesalahan dalam ayat majmuk gabungan, ayat majmuk pancangan relatif, ayat majmuk campuran dan ayat majmuk keterangan merupakan kesalahan yang dilakukan oleh mereka. Selain itu, kesalahan dalam ayat majmuk gabungan mencatatkan nilai kekerapan yang tinggi. Hal ini diikuti

dengan ayat majmuk pancangan relatif, ayat majmuk campuran dan ayat majmuk keterangan. Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis penggunaan jenis ayat majmuk dalam akhbar dengan berpandukan rumus tatabahasa Melayu.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian untuk penyelidikan ini adalah seperti yang berikut :

- i. Apakah jenis ayat majmuk yang digunakan dalam Harian Metro?
- ii. Adakah penggunaan ayat majmuk dalam Harian Metro menggunakan rumus yang tepat?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut :

- i. Mengenal pasti jenis ayat majmuk yang digunakan dalam Harian Metro.
- ii. Menganalisis penggunaan ayat majmuk dalam Harian Metro menggunakan rumus yang tepat.

#### **1.6 Kepentingan Kajian**

Golongan pensyarah, khususnya pensyarah yang mengajar dalam bidang komunikasi dan penulisan berita boleh menjadikan kajian tentang penggunaan ayat majmuk dalam akhbar ini untuk membantu mereka. Kajian ini mampu membuka perspektif baharu dalam bidang kewartawanan dengan mengambil berat isu tatabahasa. Pensyarah boleh memperuntukkan satu silibus dalam pelan pembelajaran kepada pelajar untuk mempelajari tatabahasa dengan lebih baik. Langkah ini diharapkan dapat melahirkan graduan, khususnya pelajar dalam bidang komunikasi yang berkebolehan dalam penulisan berita bahasa Melayu yang baik dan tepat. Selain itu, guru yang mengajar bahasa Melayu yang mempunyai tahap penguasaan tatabahasa yang baik akan memberikan impak positif kepada pengetahuan pelajar, khususnya dari aspek tatabahasa. Hal ini demikian kerana pada usia tersebut, tahap keinginan mereka untuk mengetahui perkara yang baharu sangat tinggi. Oleh hal yang demikian, para guru harus mengambil kesempatan tersebut dengan memberikan pengetahuan yang tepat mengenai tatabahasa.

Di samping itu, pelajar juga perlu mempunyai tahap penguasaan tatabahasa yang baik. Hal ini disebabkan oleh ilmu tatabahasa itu perlu diwarisi oleh mereka supaya mereka boleh menggunakanya pada masa hadapan. Untuk

merealisasikan kenyataan itu, penelitian terhadap sesuatu perkara itu perlu dijadikan rutin oleh para pelajar pada masa ini dan bukan hanya menerima sesuatu perkara itu. Begitu juga situasinya dalam penganalisisan tatabahasa. Mereka perlu tahu bahawa penggunaan bahasa dalam akhbar juga mempunyai kesalahannya. Oleh sebab itu, penelitian perlu dilakukan oleh para pelajar sebelum mengeyakkan penulisan tersebut. Selain itu, kajian penggunaan ayat majmuk dalam akhbar dapat mendedahkan pembaca kepada ilmu tatabahasa yang tepat selain menyediakan berita yang terkini dan berinformasi. Perkara ini secara tidak langsung dapat memberikan ilmu tentang cara penggunaan tatabahasa yang tepat yang boleh didapati dalam akhbar. Hal ini dapat membentuk perspektif baharu dalam masyarakat bahawa akhbar bukan sahaja medium yang menyalurkan maklumat kepada umum, malah ia juga mampu menyampaikan ilmu baharu dan bermanfaat kepada mereka.

### **1.7 Batasan Kajian**

Kajian tentang penggunaan ayat majmuk dalam Harian Metro dijalankan secara analisis kandungan terhadap berita dalam akhbar ‘Harian Metro’. Bahagian *setempat* dalam akhbar ‘Harian Metro’ menjadi bahan kajian yang diberikan perhatian. Akhbar ‘Harian Metro’ bermula daripada 5 Disember 2016 sehingga 31 Disember 2016 dipilih sebagai bahan kajian. Terdapat beberapa bahagian atau pecahan dalam akhbar ini seperti *Setempat*, *Tengah*, *Global*, *Arena* dan *Bisnes*. Namun begitu, pengkaji hanya memilih bahagian *Setempat* untuk dijadikan bahan kajian. Walau bagaimanapun, akhbar yang diterbitkan pada hari Sabtu dan Ahad dalam bulan tersebut tidak dipilih sebagai bahan kajian. Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga yang ditulis oleh Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood menjadi sumber untuk mendapatkan data dan rujukan untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji memilih Tatabahasa Dewan sebagai rujukan utama dalam kajian ini kerana Tatabahasa Dewan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, iaitu sebuah badan berkanun yang diberikan kuasa oleh kerajaan untuk mengembangkan bahasa Melayu.

### **1.8 Definisi Operasional**

Untuk menjalankan kajian ini, pengkaji akan memberikan definisi bagi perkataan penggunaan ayat majmuk, frasa kerja, kata hubung, akhbar harian, dan editor bahasa

#### **1.8.1 Penggunaan ayat majmuk**

Menurut Kamus Linguistik (1997), ayat ialah unit tatabahasa yang tertinggi yang mengungkapkan fikiran yang lengkap, diucapkan dengan intonasi yang sempurna, dan dimulakan serta diakhiri dengan kesenyapan. Unit ini terdiri daripada sekurang-kurangnya satu subjek dan satu predikat. Bagi kata majmuk

pula, terdapat beberapa definisi yang diberikan oleh Kamus Linguistik yang berkaitan dengan kajian ini, antaranya ialah majmuk sintaksis dan ayat majmuk. Majmuk sintaksis ialah kata majmuk yang mengandungi dua bentuk bebas atau lebih yang mempunyai hubungan yang serupa dengan hubungan dalam frasa, contohnya, *rumah sakit* dengan *rumah untuk orang sakit*. Bagi ayat majmuk pula, Kamus Linguistik menakrifkannya sebagai ayat yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua klausa bebas yang digabungkan oleh kata penghubung setara seperti *atau*, *dan*, atau *tetapi*, atau oleh intonasi. Sebagai contohnya adalah seperti *Minuman kopi dan teh disajikan*. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, perkara yang dikaji ialah penyusunan perkataan yang membentuk satu ayat yang mengikut rumus ayat majmuk bahasa Melayu.

### 1.8.2 Frasa Kerja

Kamus Linguistik (1997) memberikan dua definisi. Definisi yang pertama ialah dalam tatabahasa tradisional, ia ialah sekumpulan kata yang mempunyai fungsi sintaksis yang sama dengan kata tunggal. Contoh, *sedang melukis* dalam ayat *Dia sedang melukis*. Bagi definisi yang kedua pula, dalam tatabahasa transformasi generatif, ia merupakan konstituen ayat yang mengandungi predikat atau pelengkap atau adjung berbanding dengan frasa nama subjek. Contohnya, *mengelilingi Pulau Langkawi* dalam ayat *Mereka mengelilingi Pulau Langkawi semalam*. Dalam konteks kajian ini, frasa kerja menjadi fokus kajian kerana ia boleh menjadi penanda kepada kegramatisan dalam sesebuah ayat majmuk.

### 1.8.3 Kata Hubung

Kata hubung dapat ditakrifkan sebagai kata yang digunakan untuk menggabungkan unit tatabahasa, seperti kata, frasa atau ayat. Dalam bahasa Melayu, dua kata hubung yang utama ialah kata hubung gabungan dan kata hubung pancangan (Kamus linguistik, 1997). Menurut Kamus Linguistik (1997), terdapat sebelas jenis kata hubung iaitu, kata hubung adverba, kata hubung gabungan, kata hubung kolerasi, kata hubung lawan, kata hubung nafi, kata hubung pancangan, kata hubung sebab, kata hubung setara, kata hubung subordinat, kata hubung tolak ansur, kata hubung waktu. Kata hubung adverba didefinisikan sebagai kata yang menghubungkan ayat atau klausa, contohnya, *walau bagaimanapun* dan *oleh itu*. Bagi kata hubung gabungan pula, kata yang menghubungkan unit-unit tatabahasa yang setara, contohnya, *dan* dan *tetapi*. Kata hubung kolerasi merupakan kata hubung yang berpasangan. Contoh kata hubung ini adalah seperti *sama ada ... atau*, *baik ... mahupun*, dan *makin ... makin*. Kata hubung lawan pula ialah kata yang menghubungkan dua klausa atau ayat yang mempunyai maksud yang bertentangan, contohnya, *tetapi*, *namun demikian*, *sungguhpun*. Seterusnya ialah kata hubung nafi. Kata hubung ini ialah kata yang membawa maksud nafi, contohnya, *bukan*. Selain itu, kata hubung yang lain ialah kata hubung pancangan. Kata hubung ini ialah kata yang menghubungkan klausa utama dengan klausa tak setara. Contohnya katanya adalah seperti *yang*, *bawawa*, dan *kerana*. Kata hubung waktu pula ialah kata

hubung yang membawa maksud hubungan waktu. Contoh perkataannya adalah seperti *apabila*, *ketika*, dan *sehingga*. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, pemahaman tentang kata hubung perlu difahami kerana ia merupakan tanda atau faktor pembentukan ayat majmuk.

#### **1.8.4 Akhbar Harian**

Secara amnya, akhbar boleh dertiakan sebagai media cetak yang berperanan untuk menyampaikan maklumat kepada umum. Akhbar juga boleh didefinisikan sebagai bahan bercetak yang dikeluarkan secara harian, mingguan atau dalam tempoh masa yang tertentu dengan mengandungi pelbagai bahan atau berita di dalamnya (Mohd Safar Hasim, 2004). Kementerian Dalam Negeri pula mendefinisikan akhbar sebagai bahan penerbitan yang dicetak secara berkala pada tempoh tertentu dalam apa-apa bahasa untuk diedarkan atau dijual. Walau bagaimanapun, ia tidak termasuk yang diterbitkan oleh atau untuk Kerajaan Peseukutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri atau Kerajaan Singapura. Oleh itu, akhbar harian dapat disimpulkan sebagai akhbar yang diterbitkan secara harian untuk memberikan maklumat terkini.

#### **1.8.5 Editor Berita**

Editor, secara amnya, sebagai individu yang bertanggungjawab untuk menyunting berita dari segi gaya penulisan, tatabahasa, dan sebagainya untuk menepati kehendak gaya ses sebuah penerbitan. Berita pula boleh didefinisikan sebagai laporan mengenai sesuatu peristiwa yang disampaikan kepada masyarakat melalui media cetak atau media elektronik. JB Wahyudi (1996) mengatakan bahawa berita ialah laporan tentang peristiwa atau pendapat yang memiliki nilai penting, menarik bagi sebahagian masyarakat, masih baharu dan diterbitkan secara meluas melalui media massa (Arifin S. Harahap, 2007). Dalam konteks kajian ini, editor berita dapat disimpulkan individu yang bertanggungjawab dalam penulisan dan penerbitan artikel dalam akhbar.

### **1.9 Kesimpulan**

Bab 1 memberikan gambaran secara keseluruhan tentang kajian yang hendak dijalankan iaitu penggunaan ayat majmuk dalam akhbar Harian Metro. Penyataan masalah yang utama adalah untuk membincangkan cara penggunaan ayat majmuk dalam bahan bercetak iaitu akhbar Harian Metro. Persoalan dan objektif kajian pula memberikan tumpuan pada pengenalpastian jenis ayat majmuk yang digunakan dalam akhbar Harian Metro dan penganalisisan penggunaan ayat majmuk mengikut rumus yan tepat. Sehubungan itu, kajian ini diharap dapat memberikan impak kepada pensyarah, guru, dan pelajar untuk peka dengan penggunaan ayat majmuk dalam akhbar Harian Metro.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Ghafib Yunus & Muhammad Norrudin Abdul Aziz. (2017). *Rumus Tatabahasa Bahasa Melayu: Sintaksis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Ghafib Yunus & Muhammad Norrudin Abdul Aziz. (2017). *Rumus Tatabahasa Bahasa Melayu: Pembentukan Kata dan Ejaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (2008). *Tatabahasa Pedagogi Bahasa Melayu Untuk Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Ahmad Khair Mohd Nor, Raminah Hj. Sabran, Nawi Ismail, Ton Ibrahim. (2015). *Tatabahasa Asas*. Ed.2. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Abdul Latif Lai Abdullah & Haryati Abdul Karim. (2014). "Sepuluh Tahun Sabah dalam Malaysia: Satu Analisis Akhbar Tempatan". dlm. *Jurnal Komunikasi Borneo*. Vol 1. 107-120.
- Abdul Rashid Daing Melebek. (2010). "Penguasaan Tatabahasa Guru Mata Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Enam". dlm. *Jurnal Linguistik*, 11, 1-17.
- Abdul Rashid Melebek & Amat Juhari Moain. (2006). *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ab Razak Ab Karim & Nurul Ain Alizuddin. (2016). "Pantun Melayu: Ayat Majmuk Gabungan Bahasa Melayu". dlm. *International Journal of The Malay World and Civilisation (Iman)* Vol.4(2). 23-36.
- Akmar Hayati Ahmad Ghazali & Siti Zobaidah Omar. (2014). "Keperluan Pembaca Remaja Terhadap Kandungan Akhbar". *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. Vol.30 (Special Issues). 17-28.
- Ardiana Ali Amat & Maslida Yusof. (2011). "Representasi Sintaksis Operator Bahasa Melayu berdasarkan Pendekatan Tatabahasa Peranan dan Rujukan". dlm. *Jurnal Bahasa* Vol.11(1). 1-26.
- Arifin S. Harahap. (2007). *Jurnalistik televisi: Teknik Memburu dan Menulis Berita TV*. Jakarta: PT Ikrar Mandiriabadi Katalog dalam Terbitan (KDT).
- Arina Johari & Mohd Zuber Ismail. (2013). "Analisis Kesalahan Umum Struktur Ayat Majmuk oleh Pelajar Asing". dlm. *International Language for Communication Conference 2013*, 371-394.
- Arpah Abdul Rashid. (2010). *Penguasaan dan Struktur Ayat Majmuk Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Singapura*. PhD thesis, Universiti Putra Malaysia.

- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Ed.5. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2002). *Ceritera Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2011). Perancangan Taraf Bahasa Melayu. dlm. Klik web DBP. Dimuat turun daripada <http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=491> pada 14 Disember 2016.
- Awang Sariyan. (2011). Menghayati Kejayaan Perancangan Bahasa Melayu. dlm. Klik web DBP. Dimuat turun daripada <http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=194>. Pada 14 Disember 2016
- Azmah Ab Wahab & Samsudin A Rahim. (2013). "Kredibiliti Media dan Penyertaan dalam Persekutaran Pengdemokrasian Maklumat di Malaysia". dlm. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. Vol.29(1). 141-160.
- Bahtiar Mohamad, Hasan Abu Bakar & Mohamad Khadafi Hj Rofie. (2004). "Imej Islam di Media Cetak: Analisis Kandungan Akhbar Mingguan di Malaysia". dlm. *The Malaysian Journal of Language and Communication*. Vol.1(1). 79-98.
- Dafizal, Faridah Ibrahim, Chang Peng Kee & Fauziah Ahmad. (2013). "Trend Pemberitaan Isu Keganasan dalam Akhbar Perdana Malaysia". dlm. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. Vol 29(2). 189-202.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2008). "Struktur Sintaksis Frasa Nama Bahasa Melayu". dlm. *Jurnal Bahasa* Vol.8. 204-219.
- Hasan Alwi. (2013). *Perbandingan Antara Tatabahasa Dewan Dengan Tatabahasa Baku Bahasa Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Haji Salleh. (2003). *Ayat Majmuk Bahasa Melayu dalam Tuhfat Al-Nafis*. PhD Thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Ismail Abdul Rajab. (1990). *Satu Analisis Kesilapan Tatabahasa Dalam Penulisan Akhbar dan Majalah Bahasa Malaysia*. PhD thesis, Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartini Abd Wahab. (2013). Tinjauan Pembentukan Struktur Pasif Di-Berdasarkan Tiga Pendekatan Tatabahasa Generatif. dlm. *Jurnal Melayu* Vol.11. 30-50.

- Mohd Safar Hasim. (2004). *Akhbar di Malaysia: Antara Kebebasan Dengan Tanggungjawab*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim & Wong Aw Lam Chee. (2015). "Keanekaan Binaan Ayat dalam Sejarah Melayu". dlm. *Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*. 1-39.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan*. Ed.3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Juliana Napiah. (2011). "Penguasaan Tatabahasa Remaja Malaysia: Analisis Pragmatik". dlm. *Jurnal Bahasa*. 63-82.
- Rohani Mafot & Nurhani Idris. (2017). Penggunaan Gambar bagi Meningkatkan Penggunaan Ayat Majmuk dalam Penulisan dengan Menggunakan Strategi T dan R. dlm. *Seminar Bahasa Melayu anjuran Pusat Bahasa Melayu Singapura*. 453-465.
- Siti Baidura Kasiran & Nurul Jamilah Rosly. (2011). Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Karangan Pelajar Asing di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam. dlm. *2nd. International Language Conference 2011 anjuran International Islamic University Malaysia (IIUM)*. 1-29.
- Wong Shia Ho. (2011). Ragam Ayat dalam Refleksi Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) oleh Guru Pelatih PISMP Ambilan Januari 2009. dlm. *Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang Vol.10*. 1-18.
- Zaharani Ahmad & Teressa Jabar. (2010). Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia: Analisis Aspek Tatabahasa. dlm. *Jurnal Linguistik*, 10 (Edisi Khas), 49-62.
- Zaharani Ahmad. (2013). *Nahu Praktis Bahasa Melayu: Menangani Kepelbagaiuan, Mencari Keserasian*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaliza Mohamad Nasir, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Normahdiah Sheikh Said & Norizan Che Su. (2013). "Penguasaan Tatabahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia". dlm. *Jurnal Linguistik Vol. 17(2)*. 84-90.